



[Home](#) / [2024](#) / [November](#) /

[Transformasi FPA dalam Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Taklimat Akademik dan Panduan Penyediaan e-Course File](#)

**GRU2025**

05/11/2024 / Nuraini Mohd Noor, Nur Qasyma Doh Kassim, Nur Suraya Abdullah

## TAKLIMAT AKADEMIK DAN PENYEDIAAN eCOURSE FILE DAN TEACHING PORTFOLIO



**07.10.2024**  
**ISNIN**



**3.00 PM -**  
**5.00 PM**



**WEBEX**

### AGENDA:

- 3.00 – 3.15 PM : Ucapan aluan Dekan FPA
- 3.15 – 3.20 PM : Taklimat ringkas Timbalan Dekan Akademik FPA
- 3.20 – 4.00 PM : Taklimat Akademik oleh Ketua Pusat Pengajian Pra Siswazah (Ijazah) Dr. Nuraini Mohd Noor
- 4.00 – 5.00 PM : Taklimat penyediaan eCourse File dan Teaching Portfolio En. Mohamad Zaharudin Sariman (Koordinator iCEPS)

**Bahagian Hal Ehwal Akademik**  
**Fakulti Perladangan dan Agroteknologi**  
**06-2645233/5234/5228**

7 Oktober 2024 – Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah menganjurkan satu sesi taklimat kepada semua staf akademik fakulti secara atas talian melalui platform WEBEX. Program ini melibatkan penyertaan semua

Sesi ini dimulakan dengan penerangan berkaitan hal ehwal akademik yang terkini oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti. Pelbagai polisi akademik dan garis panduan universiti dijelaskan kepada semua pensyarah bagi memastikan kelancaran operasi sepanjang semester. Taklimat turut menekankan pemantauan prestasi pelajar serta kaedah pengajaran yang lebih inovatif dalam era pembelajaran digital. Selain itu, pemantauan prestasi pelajar turut ditekankan bagi memastikan setiap pelajar mendapat bimbingan dan sokongan yang sewajarnya. Pensyarah digalakkan mengadakan sesi bimbingan berkala serta memantau perkembangan akademik pelajar dengan lebih dekat, terutama bagi pelajar yang berhadapan dengan cabaran dalam pembelajaran mereka. Melalui pendekatan ini, fakulti berusaha meningkatkan kualiti akademik dan mengurangkan isu berkaitan keciciran pelajar.

Program ini kemudian diteruskan dengan penerangan tentang tatacara penyediaan e-Course File yang dilengkapi dengan silibus kursus, jadual penilaian dan bahan pengajaran. Selain itu, para pensyarah juga diberikan panduan dalam menyusun Teaching Portfolio sebagai rekod prestasi pengajaran yang dapat menunjukkan perkembangan pencapaian akademik serta keberkesanan kaedah pengajaran.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya memberi maklumat penting kepada semua pensyarah dan sangat relevan dalam membantu mereka memenuhi keperluan akademik yang ditetapkan oleh universiti. Penglibatan semua pensyarah melalui platform WEBEX juga telah menjadikan sesi ini lebih interaktif dan berkesan. Di samping itu, sesi taklimat ini juga memberikan peluang kepada pensyarah untuk berinteraksi dengan pihak pengurusan fakulti dalam mendapatkan penjelasan langsung mengenai isu-isu yang terkini dan membincangkan amalan terbaik dalam memenuhi keperluan akademik. Ini telah mewujudkan suasana yang lebih kolaboratif dan harmoni di mana semua pihak dapat berkongsi pandangan mereka dan bertukar idea untuk meningkatkan mutu pengajaran.



[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Bahagian Hal Ehwal Akademik \(BHEA\)](#), [Fakulti Pendidikan dan Agroteknologi \(FPA\)](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

< CIMB Art & Soul 2024: Pertunjukan Fesyen UiTM  
Cawangan Perak di MITEC Kuala Lumpur

Harmoni Kolej: Perjumpaan Staf Residen Kolej &  
Mahasiswi Kolej Tun Fatimah, Tun Teja dan Tun  
Puteri UiTM Cawangan Melaka >

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

